



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 6 Januari 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ikhtiar KPDN 2025 perkasa pasaran domestik dan kesejahteraan pengguna

Tahun 2025 adalah tahun yang agak mencabar bagi pengguna dan peniaga. Tekanan inflasi global, gangguan rantaian bekalan akibat perubahan cuaca serta lonjakan permintaan bermusim menjadikan isu harga dan kos sara hidup sentiasa berada di barisan hadapan perbualan rakyat.

Dalam landskap yang mencabar inilah ikhtiar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memainkan peranan penting sebagai pengimbang antara kepentingan pengguna, kelangsungan perniagaan dan kestabilan ekonomi domestik.

Dari kaca mata editor, kekuatan utama KPDN sepanjang 2025 terletak pada keupayaannya menyelaraskan pelbagai ikhtiar melalui pendekatan daripada penguatkuasaan tegas, pemerkasaan ekonomi tempatan, advokasi pengguna hingga pengurusan kos sara hidup, dalam satu hala tuju yang jelas dan bersifat menyeluruh.

Aspek penguatkuasaan kekal sebagai tulang belakang kepada usaha memastikan pasaran berfungsi secara adil dan beretika. Melalui inisiatif KITA GEMPUR, KPDN mempergiatkan pelaksanaan Ops TIRIS bagi membanteras ketirisan subsidi, Ops KESAN untuk mengekang pencatutan harga dan Ops GASAK dalam usaha menasaskan aktiviti *decanting* serta penyalahgunaan barang kawalan.

Sepanjang tahun, operasi penguatkuasaan tidak tertumpu di satu lokasi atau satu jenis kes sahaja. Di Selangor, Ops GASAK mendedahkan aktiviti pemindahan LPG bersubsidi yang melibatkan ratusan tong gas bagi keperluan industri.

Di Sarawak pula, penguatkuasaan diperkukuh di pintu sempadan ICGS Tebedu menerusi Ops TIRIS 3.0 bagi mengekang penyelewengan barang kawalan rentas sempadan, sekali gus memastikan bekalan dalam negara tidak terjejas.

Dari sudut skala, beberapa negeri merekodkan antara nilai rampasan tertinggi sepanjang 2025. KPDN Kelantan, misalnya, mencatat rampasan hampir RM4.7 juta hasil pelbagai operasi penguatkuasaan, manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan



Seruan Jom Beli Lokal! melalui Kempen Beli Barangan Malaysia mendapat sambutan luar biasa serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kualiti dan kepelbagaian keluaran usahawan tempatan yang juga mampu bersaing di peringkat global.

lebih 500 kes dengan nilai rampasan sekitar RM4.6 juta.

Gabungan tindakan ini, termasuk kejayaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menumpaskan aktiviti kartel bidaan, menghantar isyarat jelas bahawa penguatkuasaan bukan sekadar reaktif, tetapi berterusan dan bersasar.

Pada masa sama, pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) merangkumi Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Krismas serta Pesta Kaamatan dan Gawai Dayak membantu memastikan lonjakan permintaan tidak diterjemahkan kepada manipulasi harga, sekali gus melindungi pengguna daripada tekanan kos bermusim.

Di sebalik penguatkuasaan, KPDN turut memberi tumpuan kepada pengukuhan ekonomi domestik. Kempen Beli Barangan Malaysia menerusi penggunaan Logo Produk dan Buatan Malaysia serta slogan Jom Beli Lokal bukan sekadar kempen kesedaran, tetapi usaha strategik memperluas pasaran produk tempatan dan meningkatkan keyakinan pengguna terhadap keluaran usahawan tempatan negara.

Pemerkasaan harta intelek melalui MyIPO menangani isu ciplak dan barangan tiruan yang boleh menjejaskan reputasi serta kelangsungan usahawan tempatan, khususnya dalam ekonomi digital. Pada masa sama, kesedaran pendaftaran perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

terus dipertingkatkan bagi memastikan ketelusan dan keyakinan orang ramai terhadap sektor perniagaan.

Inisiatif pendigitalan sektor peruncitan (REDI), khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman, mencerminkan kesungguhan KPDN merapatkan jurang digital, manakala kedudukan Malaysia sebagai negara kelima terbesar industri jualan langsung dunia membuktikan daya saing ekosistem perdagangan tempatan.

Penganjuran Karnival KPDN 2025 pula menjadi platform *whole of ministry* dan *whole of nation*, membawa perkhidmatan terus kepada rakyat di peringkat akar umbi melalui penglibatan agensi, pemain industri dan pengguna.

Tahun 2025 turut menyaksikan perubahan ketara dalam landskap kepenggunaan. Pengguna hari ini bukan sekadar *power viral*, tetapi semakin berdaya dari segi pengetahuan dan saluran aduan rasmi. Kadar penyelesaian aduan yang mencecah 95 peratus mencerminkan kecekapan sistem dan keyakinan rakyat terhadap keupayaan KPDN menyelesaikan aduan awam.

Aplikasi *PriceCatcher* membolehkan pengguna membuat perbandingan harga dengan lebih bijak, manakala Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dan aplikasi *ezTTPM* memudahkan proses tuntutan ganti rugi, termasuk dalam urusan niaga dalam talian.

Pindaan Akta Sewa Beli dengan pengenalan kadar faedah efektif dan

kaedah pengurangan baki yang lebih telus pula memperkukuh perlindungan pengguna tanpa menjejaskan kelangsungan industri.

Dalam isu kos sara hidup, peranan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) menjadi semakin signifikan melalui pendekatan *whole of nation*.

Pelbagai inisiatif dilaksana termasuk Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) yang merekodkan lebih 25 juta transaksi, Portal Ihsan MADANI, Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) dan aplikasi ECOSS bagi memastikan penyasaran subsidi lebih tepat dan berkesan.

Seperti yang kita sedia maklum PJRM merupakan ikhtiar KPDN yang sangat signifikan buat rakyat Malaysia. Ia menasaskan kepada kumpulan yang memerlukan khususnya kumpulan B40. Sebagai contoh pelaksanaan PJRM Kembali Ke Sekolah amat membantu persiapan anak-anak untuk memulakan persekolahan pada tahun ini.

Selain itu, Program Penstabilan Harga di luar bandar pula memastikan pengguna di desa menikmati bekalan dan harga yang setara dengan kawasan bandar.

Tidak dinafikan, faktor global seperti inflasi dan perubahan iklim berada di luar kawalan mana-mana kementerian. Namun dari kaca mata editor, pencapaian KPDN sepanjang 2025 memperlihatkan usaha yang konsisten dan tersusun untuk memastikan keseimbangan pasaran terus terpelihara.

Gabungan penguatkuasaan pemerkasaan ekonomi dan advokasi kepenggunaan mencerminkan komitmen berterusan KPDN sebagai pelindung kepentingan pengguna dan pemacu ekonomi negara. Kita yakin kerajaan akan terus berusaha bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan keseimbangan pasaran domestik negara terus dipacu dengan lebih baik pada tahun 2026.

INISIATIF KPDN 2025

1. **KITA GEMPUR:** Penguatkuasaan bersepadu & pemantauan pasaran.
2. **Ops TIRIS:** Banteras ketirisan subsidi.
3. **Ops KESAN:** Kawal pencatutan & harga tidak munasabah.
4. **Ops GASAK:** Hapus aktiviti *decanting* LPG bersubsidi.
5. **SHMMP:** Kawalan harga sempena perayaan utama.
6. **Kempen Beli Barangan Malaysia & Jom Beli Lokal.**
7. **MyIPO:** Perlindungan harta intelek.
8. **REDI:** Pendigitalan sektor peruncitan.
9. **Aplikasi PriceCatcher & ezTTPM:** Pemerkasaan pengguna.
10. **NACCOL & PJRM:** Bantuan kos sara hidup bersasar.



Ketangkasan penguatkuasaan terbukti apabila berjaya mencatat nilai rampasan mencecah RM 96,946,325.46 sepanjang tahun 2025.



Pelaksanaan PJRM yang meliputi 222 Parlimen, 600 Dewan Undangan Negeri dan 40 zon di Wilayah Persekutuan memastikan subsidi dapat dinikmati terus oleh golongan sasar khususnya B40.



KPDN gesa orang ramai salur aduan jika harga barang, makanan di festival terlalu tinggi

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melarang sebarang kenaikan harga yang membawa kepada keuntungan tinggi pada kadar tidak munasabah dalam mana-mana penganjurkan pesta atau festival makanan di negara ini.

Timbalan Menteri KPDN, Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, peniaga terlibat juga boleh dikenakan tindakan sekiranya melakukan kesalahan tersebut.

"KPDN memaklumkan bahawa kerajaan tidak menetapkan harga siling khusus bagi makanan yang dijual di pesta atau festival, namun penjualan tersebut tetap tertakluk kepada perundangan sedia ada, khususnya Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

"Walaupun peniaga bebas menetapkan harga berdasarkan kos dan operasi, sebarang kenaikan harga yang membawa kepada keuntungan tinggi yang tidak munasabah adalah dilarang dan boleh dikenakan tindakan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada penjualan makanan di festival tertakluk kepada undang-undang kawalan harga atau sebaliknya.

Ia susulan muka depan *Sinar Harian* pada Isnin melaporkan

Kementerian BERTINDAK

penganjurkan festival makanan yang didakwa semakin kurang sambutan mencetuskan perbincangan hangat dalam kalangan orang ramai apabila ada mengaitkannya dengan harga makanan tidak masuk akal.

Mengulas lanjut, Fuziah berkata, KPDN dalam masa sama juga sentiasa melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan terhadap gerai jualan di pesta dan festival makanan terutama semasa musim cuti perayaan dan cuti sekolah.

Usaha itu katanya, bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang antipencatutan dan keperluan penandaan harga yang jelas.

"Tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah Seksyen 14 Akta 723 melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018, termasuk denda dan hukuman penjara sekiranya terdapat bukti pencatutan," ujarnya.

Beliau dalam masa sama turut menggalakkan orang ramai menyalurkan aduan kepada KPDN sekiranya mendapati harga barangan atau perkhidmatan di pesta makanan adalah tidak munasabah.

Tambahnya, setiap aduan lengkap akan disiasat dalam tempoh 24 jam dan pihaknya juga akan memanggil penganjur festival bagi memastikan kawalan harga dipatuhi.

"Pada masa sama, pengguna disaran membuat perbandingan harga dan berbelanja secara berhemah, selaras dengan usaha kerajaan memperkukuh perlindungan pengguna dan kebajikan rakyat," katanya.



KPDN memaklumkan bahawa kerajaan tidak menetapkan harga siling khusus bagi makanan yang dijual di pesta atau festival, namun penjualan tersebut tetap tertakluk kepada perundangan sedia ada."

- Fuziah



Laporan *Sinar Harian* pada Isnin.



Owner of Singapore vehicle aids fuel abuse probe

KULAI: The owner of a Singapore-registered vehicle accused of concealing its number plate to purchase subsidised RON95 fuel last Friday has presented himself at the Kulai district police headquarters to assist with investigations.

Kulai police chief ACP Tan Seng Lee said the investigation papers

are still being prepared, and will be promptly referred to the deputy public prosecutor.

"The individuals in the video (which went viral) are a married couple aged 63 and 67," he said, Benama reported.

Media reports over the last weekend said police tracked

down the owner, a permanent resident of Singapore, and summoned him to the Kulai district police headquarters to help with the investigation.

The case is being investigated under Section 108(3)(e) of the Road Transport Act (APJ) 1987.

Earlier, a viral 90-second video

showed the driver of a what appears to be a foreign registered vehicle pumping RON95 petrol.

Previously, the Johor branch of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) had inspected a petrol station, following a complaint.

State KPDN director Lilis

Saslinda Pornomo said that enforcement action was initiated under Subregulation 12A of the Control of Supplies Regulations 1974 for a suspected breach of the Supply Controller's directive, which prohibits the sale of RON95 petrol to foreign-registered vehicles.

Foreign vehicle owner quizzed over RON95

KULAI: The owner of a foreign-registered vehicle, accused of concealing its number plate to purchase subsidised RON95 fuel last Friday, has presented himself at the Kulai district police headquarters to assist with the investigation.

Kulai Police Chief ACP Tan Seng Lee said the investigation papers are still in progress and will be promptly referred to the deputy public prosecutor.

"The individuals in the video (which went viral on social media) are a married couple aged 63 and 67," he said in a brief statement Monday.

Yesterday's media reports said police tracked down the owner, a Permanent Resident based in Singapore, and summoned him to the Kulai district police headquarters to aid the investigation.

The case is being investigated under Section 108(3)(e) of the Road Transport Act (APJ) 1987.

Earlier, a one-minute, 30-second video went viral on social media, showing the owner of a Singapore-registered vehicle pumping RON95 fuel.

Previously, the Johor Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) had inspected a petrol station, following a complaint.

State KPDN director Lilis Saslinda Pornomo said that enforcement action was initiated under Subregulation 12A of the Control of Supplies Regulations 1974 for a suspected breach of the Supply Controller's directive, which prohibits the sale of RON95 petrol to foreign-registered vehicles. - Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

STANDARDISATION PLAN

Fostering unity, cost relief go beyond uniforms

ALOR STAR: Parents, teachers and consumer groups say there are more effective ways to foster unity and ease families' financial burdens than simply standardising school uniforms.

This comes after the Education Ministry said it was reviewing uniform policies, with director-general Datuk Dr Mohd Azam Ahmad stressing that any decision would follow a comprehensive evaluation, with possible implementation in the 2027 school session.

Muhammad Azrul Ramli, 47, a father of four, said the current uniform system already promoted equality with minor distinctions, such as prefects wearing different colours, which stressed

responsibility rather than undermining unity.

"Prefects develop a stronger sense of duty when wearing school uniform of a different colour."

The architect added that uniform costs were generally similar regardless of their colour, and instead suggested a stricter dress code for teachers instead.

"Teachers lead by example, yet fashion shows among teachers are quite common. If unity is the goal, a dress code for them should be considered," he said.

Retired English teacher Mokhtar Majid, 62, said unity was better cultivated through academic and behavioural development, alongside cooperation be-

tween teachers, parents and the wider community.

"Any review of uniform standardisation is welcome, but it must be studied thoroughly," he said, adding that government cash assistance for parents could also be increased.

Ku Mohd Fikri Hanif Ku Puteh, chairman of the SMK Kuala Nerang Parent-Teacher Association, welcomed recent flexibility on necktie rules but said broader uniform changes were unlikely to impact the academic performance or unity.

"Relaxing the necktie improves comfort in our hot and humid weather, but lockers would better reduce the burden of heavy books."



People shopping for school uniforms and supplies for their children in Kuala Lumpur recently. BERNAMA PIC

He also called on the ministry to address rising uniform costs during the annual back-to-school rush.

Consumers Association of Kedah president Yusrizal Yusoff said uniform prices would rise sharply before the start of a new school session and urged the Education Ministry to work with the

Domestic Trade and Cost of Living Ministry to monitor prices.

"Price increases are driven by supply and demand, but price controls should prevent businesses from going overboard," he said, adding that the review should focus on reducing overall parental expenses, not just uniform standardisation.



首相：年营收100万至500万企业 电子发票再延长1年

（布城 5 日讯）首相兼财政部长拿督斯里安华表示，政府理解在推动数码化进程中，部分企业在落实电子发票（e-Invois）方面仍未做好准备，主要原因在于系统建设与配套成本偏高，因此政府决定作出调整，给予企业更多缓冲时间。

他说，原定于 2026 年 1 月 1 日强制实施、涉及年销售额介于 100 万至 500 万令吉的企业，政府同意延长一年过渡期，并在期间不施加任何罚款，以减轻中型企业的合规压力。

安华今日在首相署月度集会上发表 2026 年新年献词时指出，政府支持数码化与税务系统现代化，但在政策落实过程中，必须兼顾企业，尤其是中小型企业实际承受能力与成本负担，因此选择放缓执行步伐。

他强调，年营收低于 100 万令吉的企业仍然豁免电子发票强制规定。

与此同时，安华也宣布，政府将扩大电子发票综合便利措施，把相关配套延伸至零售业及建材行业，以提升营运效率，确保电子发票制度更具包容性与可行



安华周一上午主持内阁特别会议，规划政府在新一年的施政方向、重点计划及将于今年内落实的重大举措等，新内阁全员到齐。（图由首相办公室提供）

性。

此外，他披露，政府此前已将中型企业的电子发票实施时间，从原定的 2025 年 7 月 1 日推迟至 2026 年 1 月 1 日，如今再延长一年，是在聆听业界反映后作出的进一步调整。

“政府将持续监督该计划的落实情况，确保顺利推行，同时尽量减少对企业运作的冲击，在推动数码化目标与企业合规成本之间取得平衡。”

另一方面，安华也提到，政府已将租赁服务的销售与服务税

（SST）税率从 8% 下调至 6%，有关措施预计将使政府税收减少近 5 亿令吉，但此举有助于减轻相关行业及民众的负担。

他重申，所有相关调整，旨在确保国家数码化与税务改革稳健前行，同时不对企业经营造成过重冲击。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 6 JANUARI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
6-Jan	Perlu papar harga munasabah, pemantauan aktif pihak berkuasa - FOMCA	https:// www.sinarharian.com.my/ ampArticle/762821	SINAR HARIAN
6-Jan	'RM10 di luar, RM15 di festival'	https:// www.sinarharian.com.my/ article/762805/berita/ nasional/rm10-di-luar-rm15-	SINAR HARIAN
6-Jan	Kos anjur festival cecah RM100,000	https:// www.sinarharian.com.my/ article/762807/berita/ nasional/kos-anjur-festival-	SINAR HARIAN
6-Jan	Food festivals: High operating costs drive higher prices, say organisers and traders	https://www.sinardaily.my/ article/732808/focus/ national/food-festivals-high- operating-costs-drive-higher- prices-say-organisers-and- traders	SINAR DAILY
6-Jan	Gula Rahmah only sold at Madani Rahmah Sales Programme	https:// www.thestar.com.my/news/ nation/2026/01/05/gula- rahmah-only-sold-at- madani-rahmah-sales-	THE STAR
6-Jan	Police Locate Singapore PR Who Taped Licence Plate To Pump RON95	https:// www.therakyatpost.com/ news/malaysia/2026/01/05/ police-locate-singapore-pr- who-taped-licence-plate-to- pump-ron95/	THE RAKYAT POST
6-Jan	Inisiatif Jualan Rahmah bantu rakyat kurangkan kos persekolahan	https://themalaysiapress.com/ inisiatif-jualan-rahmah-bantu- rakyat-kurangkan-kos- persekolahan/	THE MALAYSIA PRESS
6-Jan	Pemilik kenderaan asing isi RON95 hadir beri keterangan di IPD Kulai	https://www.hmetro.com.my/ mutakhir/2026/01/1307503/ pemilik-kenderaan-asing-isi- ron95-hadir-beri-keterangan-di- ipd-kulai	HARIAN METRO

6-Jan	Pemilik kenderaan asing isi RON95 hadir beri keterangan di IPD Kulai	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/01/1307503/pemilik-kenderaan-asing-isi-ron95-hadir-beri-keterangan-di-ipd-kulai	HARIAN METRO
6-Jan	Pemilik kenderaan asing isi RON95 hadir bantu siasatan polis	https://thesun.my/berita/tempatan/pemilik-kenderaan-asing-isi-ron95-hadir-bantu-siasatan-polis/	THE SUN
6-Jan	Pemilik kenderaan asing tutup nombor pendaftaran isi RON95 sudah hadir ke IPD Kulai	https://www.sinarharian.com.my/article/762896/berita/semasa/pemilik-kenderaan-asing-tutup-nombor-pendaftaran-isi-ron95-sudah-hadir-ke-ipd-kulai	SINAR HARIAN
6-Jan	Pemilik kenderaan asing isi RON95 hadir bantu siasatan polis	https://rentkl.com.my/pemilik-kenderaan-asing-isi-ron95-hadir-bantu-siasatan-polis/	RENT KL
6-Jan	Foreign vehicle owner answers police summons over RON95 incident	https://www.theborneopost.com/2026/01/05/foreign-vehicle-owner-answers-police-summons-over-ron95-incident/	THE BORNEO POST
6-Jan	Foreign vehicle owner answers police summons over RON95 incident	https://www.nst.com.my/news/regional/2026/01/1351040/foreign-vehicle-owner-answers-police-summons-over-ron95-incident	NST
6-Jan	Foreign vehicle owner answers police summons over RON95 purchase	https://thesun.my/news/malaysia-news/crime/foreign-vehicle-owner-answers-police-summons-over-ron95-purchase/	THE SUN

6-Jan	Program Bejual Rahmah Pulai Baru Ke Sekula dipuji apai indai nembiaik	https:// www.tvsarawak.my/2026/01/05/ program-bejual-rahmah-pulai- baru-ke-sekula-dipuji-apai-indai- nembiaik/	TVS
6-Jan	李景勝支持返校關懷促銷 折 扣減輕家長負擔	https://uniteddaily.my/ zh/99efb327-003b-4fd1-b31d- ebed0ae55055/%E6%9D%8E% E6%99%AF%E8%83%9C%E6% 94%AF%E6%8C%81%E8%BF% 94%E6%A0%A1%E5%85%B3% E6%80%80%E4%BF%83%E9% 94%80Rahmah%E6%8A%98% E6%89%A3%E5%87%8F%E8% BD%BB%E5%AE%B6%E9%95% BF%E8%B4%9F%E6%8B%85	UNITED DAILY